

# Kerjasama Strategik: UniMAP-University Of Missouri

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) mengukuhkan kerjasama strategik di persada antarabangsa apabila memeterai perjanjian dengan University Of Missouri Kansas City (UMKC) dalam bidang inovasi dan keusahawanan. Menerusi perjanjian tersebut, UniMAP berharap dapat meraih sebanyak mungkin pengalaman yang dimiliki oleh UMKC yang merupakan antara universiti terbaik di Amerika Syarikat.

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara UniMAP dan UMKC diadakan di Pusat Perdagangan Dunia Putra (PWTC) pada 25 September 2013 lalu. Pada majlis tersebut, UniMAP diwakili oleh Datuk Prof. Dr. Kamarudin manakala UMKC diwakili oleh Naib Canselor Eksekutifnya, Hackett Gail.

